

## BILANGAN 04 DIANGGAP



- a) Sejak akhir-akhir ini timbul semacam kempen di seluruh dunia untuk menyisihkan penyarah Islam yang dianggap menghasut.
- b) Arab Saudi telah menyenaraihitamkan dai yang dianggap menimbulkan ancaman kepada ketenteraman negara sejak berlaku siri kejadian kes-

Sekali imbas, petikan di sebelah kiri anda ini tidak mengandungi kesilapan.

Kamus Dewan menerapkan kekata “**menganggap**” dengan maksud memandang (sesuatu atau seseorang) sebagai, berpendapat bahawa: mereka ~ dia orang yang tidak boleh diharap.

Dalam ayat tersebut, ‘dia’ masih dianggap sebagai ‘orang’ (yang tidak boleh diharap). Sementara, dalam petikan (a), ‘pensyarah Islam’ tidak dianggap sebagai orang tetapi dengan kerja-kerjanya; iaitu ‘menghasut’.

Sepatutnya ayat tersebut ditulis begini:

- 01 Sejak akhir-akhir ini timbul semacam kempen di seluruh dunia untuk menyisihkan penyarah Islam yang **dianggap** penghasut (bukan menghasut).

Ayat contoh lain:

- 02 Belia-belia yang menjarah itu **dianggap** penjenayah. (bukan menjenayah).
- 03 Tokoh-tokoh itu **dianggap** pejuang bangsa. (bukan berjuang untuk bangsa)
- 04 Mereka **dianggap** pengedar dadah jika membawa lebih 20 gram dadah.
- 05 Samseng-samseng itu **dianggap** sampah masyarakat.

Bagaimana pula dengan petikan (b)? Saya berpendapat, kekata ‘dianggap’ tidak perlu digunakan.